

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**  
**TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam menyediakan akaun Tabung Haji bagi tahun 2018, sejumlah 19.9 bilion telah dipindahkan ke Syarikat SPV iaitu UJSB manakala sejumlah 1.507 bilion telah diperuntukkan rosot nilai bagi akaun berakhir 2018. Senarai harta, saham, perniagaan yang telah dirosot nilai.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aset-aset **TH** yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan yang rendah berjumlah RM9.7 bilion telah dipindahkan kepada syarikat bertujuan khas (SPV), milik penuh Kerajaan Malaysia dengan nilai pemindahan sebanyak RM19.9 bilion.

**TH** telah membuat peruntukan kerugian rosot nilai termasuk jangkaan kerugian kredit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM1.5 bilion melibatkan pelaburan-pelaburan dan sektor perladangan, hartanah, pembinaan, marin dan gas dan lain-lain, seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Sektor</b>	<b>Jumlah Rosot Nilai (RM'Juta)</b>
1.	Perladangan - Trurich Sdn Bhd - Deru Semangat Sdn Bhd - TH Plantations Berhad - TH Indopalms Sdn Bhd	685
2.	Hartanah & Pembinaan - THCC KLIA Sepang (Movenpick Hotel) - TH Properties Sdn Bhd - Putrajaya Perdana Berhad - LTH Property Holdings - Pelunasan prabayaran hartanah milik pajak	672
3.	Marin & gas - TH Marine Holdings Sdn. Bhd.	103
4.	Lain-lain	47
	<b>Jumlah</b>	<b>1,507</b>

Sekian. Terima kasih